

# Hoki remaja sasar saingan suku akhir



● Pemain bawah 23 tahun Terengganu yang bermain dalam skuad hoki Universiti Malaysia Terengganu.

MOHD YUSERI CHE DIN

*5/11 23/6/08 mlb 722*

**KUALA TERENGGANU** - Persatuan Hoki Lelaki Negeri Terengganu (PHLNT) akan menghantar pasukan pada Kejohanan Hoki Bawah 23 Tahun, anjuran Persatuan Hoki Malaysia (PHM) di Melaka, 23 Julai ini.

Pertandingan itu turut disertai hampir keseluruhan pasukan dari seluruh negara termasuk juara bertahan, Kuala Lumpur.

Setiausaha PHLNT, Mohd Saberi Salleh ketika ditemui *Sinar Harian* berkata, pihaknya kini giat mengenal pasti pemain remaja seluruh Terengganu untuk menjalani pemilihan awal, sekali gus mewakili pasukan negeri.

Menurutnya, Terengganu tidak ketandusan pemain remaja bawah 23 tahun berikutan kebanyakan mereka pernah mewakili negeri pada Kejohanan Sukan Malay-

sia (Sukma) XII.

"Kami juga mempunyai beberapa pemain berkaliber yang masih menuntut di Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar.

"Ada juga pemain yang masih berkhidmat dengan beberapa jabatan dalam dan luar Terengganu," katanya.

Menurut Mohd Saberi, sebagai persediaan merebut kejuaraan kejohanan itu, pihak persatuan akan memastikan skuad yang dihantar bukan sekadar memenuhi penyertaan semata-mata.

"Mereka akan menjalani latihan dan pemilihan pemain di Stadium Hoki Batu Burok dalam masa terdekat.

"Semua pemain juga turut mendapat latihan pusat dan tunjuk ajar daripada jurulatih berpengalaman, Nik Rozemi Nik Mohamed selama dua minggu, selain pihak persatuan mengatur-

kan beberapa siri perlawanan persahabatan dengan pasukan hoki setempat," katanya.

Menurut Mohd Saberi, pihaknya akan menjadikan kejohanan itu sebagai persediaan pemain menyertai Sukma XIII di Melaka.

"Dengan pendedahan meluas dan persediaan awal ini, kami harap skuad hoki Terengganu bertambah mantap, seterusnya muncul saingan yang mampu mencabar pasukan lain.

"Kejohanan ini turut menjadi medan pemilihan PHM mencari bakat baru untuk diserapkan ke dalam skuad negara," katanya.

Menyentuh mengenai sasaran pada kejohanan itu, Mohd Saberi tidak menaruh harapan tinggi dan hanya menyasarkan laluan ke suku akhir sahaja.

"Sasaran itu sudah memadai kerana kebanyakan pasukan bertanding hebat dan handal," katanya.